

BAB 1

PENDAHULUAN, METODOLOGI DAN LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

BAB 1

PENDAHULUAN METODOLOGI DAN LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

1.1. Pendahuluan

Dalam era globalisasi, peranan teknologi maklumat atau '*Information Technogy*' (IT) sangat penting khususnya apabila diperkenalkan internet pada awal tahun 1990-an. Sejak itu perkembangan IT sangat pesat dan menjadi semakin hebat. IT telah mengambil alih peranan perhubungan secara tradisional iaitu telefon, faksimili dan surat. IT telah merubah cara perhubungan di mana seseorang itu boleh menghantar maklumat melalui komputer dengan menggunakan internet kepada sesiapa sahaja, tidak kira di mana mereka berada dengan syarat pihak penerima ada kemudahan komputer dan internet. Maklumat boleh diterima oleh penerima sepintas kilat atau hampir sama masa dengan maklumat itu dihantar.

Oleh sebab itu perkembangan internet sangat cepat khususnya di negara-negara maju. Kalau dilihat dari sudut perkembangan internet, pada tahun 1996 terdapat kira-kira 40 juta orang mengguna internet seluruh dunia. Pada tahun 1997 seramai 100 juta orang dan pada masa ini seramai 300 juta orang. Daripada jumlah tersebut, 44% pengguna internet adalah penduduk di Amerika Utara, 35% di Eropah Barat, 5% di Jepun dan lain-lain 16%. Di Malaysia setakat Mac 2000, pengguna internet ialah 1.2 juta orang atau 5% daripada penduduk. (Multimedia Malaysia, Volume 2, Issue 1, Sept/Okt/Nov 2001).

Menyedari hakikat ini Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Koridor Raya Multimedia atau MSC pada tahun 1996 dengan tujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pembangunan IT dan multimedia serta teknologi komunikasi di dunia. Melalui MSC kerajaan telah menubuhkan 2 buah bandar yang berasaskan teknologi maklumat iaitu Putrajaya dan Cyberjaya. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan Malaysia yang baru dan Cyberjaya sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D). Adalah diharapkan melalui pembangunan MSC akan menjadikan peransang kepada perubahan masyarakat Malaysia yang bermaklumat, berdaya saing dan berkemahiran tinggi dalam bidang Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) dan sebagainya selaras dengan Wawasan 2020.

Berasaskan kepada perkembangan ini, masyarakat bandar kurang menghadapi masalah kerana mereka sentiasa mengikuti perkembangan teknologi maklumat. Masyarakat bandar boleh mengambil bahagian dalam perkembangan ini dengan cepat dan secara aktif. Apa yang menjadi masalah dan membimbangkan ialah masyarakat luar bandar. Dalam banyak hal masyarakat luar bandar agak ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi maklumat atau pembangunan prasarana.

Untuk memastikan masyarakat luar bandar turut menyertai arus perkembangan ini, kerajaan telah mengatur beberapa program yang melibatkan komuniti luar bandar. Penglibatan pemimpin di peringkat bawahan iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) adalah penting. Kejayaan dan

kemajuan sesebuah kampung bergantung kepada sejauhmanakah penglibatan JKKK. Sepertimana yang diketahui JKKK adalah penghubung di antara kerajaan dan rakyat dan begitulah sebaliknya. Oleh itu untuk mengetahui sejauhmanakah penglibatan rakyat luar bandar dalam perkembangan ICT di peringkat tempatan adalah dengan melihat peranan JKKK.

1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk menilai sejauhmana masyarakat luar bandar mendapat faedah daripada perkembangan teknologi maklumat. Ia juga bertujuan untuk mengkaji sejauhmana masyarakat luar bandar seramai 8,477,005 atau 38.2% penduduk negara ini seperti dalam Laporan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan 2000 sudah bersedia menggunakan teknologi maklumat dalam melaksanakan aktiviti harian mereka. Seterusnya kajian ini akan meneliti setakat mana program-program yang dirancang dapat membantu dan memajukan masyarakat luar bandar dalam bidang teknologi maklumat supaya mereka boleh bersaing dan melibatkan diri dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju dan masyarakat berilmu dan berdaya saing pada tahun 2020.

Objektif utama kajian ini ialah :-

- a. Melihat sejauhmana JKKK sebagai pemimpin di peringkat bawahan bersedia menjadikan teknologi maklumat sebagai alat perhubungan dengan jabatan-jabatan kerajaan dan masyarakat setempat.

- b. Untuk menilai sejauhmanakah JKKK telah mendapat latihan menggunakan teknologi maklumat.
- c. Untuk mengenalpasti inisiatif JKKK bagi memajukan masyarakat setempat dalam bidang teknologi maklumat.
- d. Untuk menganalisa sikap JKKK terhadap penggunaan teknologi maklumat dalam memperkembangkan ICT kepada masyarakat setempat.
- e. Untuk mengkaji sejauhmanakah rakyat setempat bersedia menggunakan teknologi maklumat .
- f. Untuk meneliti sejauhmana latihan yang diikuti oleh penduduk tempatan dalam bidang teknologi maklumat.
- g. Untuk mengukur persepsi mereka terhadap teknologi maklumat pada masa akan datang.

1.3. Skop Kajian

Skop kajian ini akan melibatkan dasar awam dalam rancangan pembangunan lima tahun kerajaan iaitu program Pembangunan Desa Wawasan (Malaysia, 2001). Sejak 996 (Malaysia, 2001), program ini dilaksanakan untuk menjadikan desa sebagai sebuah kampung yang maju, menarik dan menguntungkan. Kajian ini juga akan menyentuh tentang strategi-strategi pelaksanaan dasar ini dan penglibatan jabatan-jabatan yang berkenaan dan pelaksanaan program ini di peringkat kementerian hingga ke peringkat bawahan iaitu JKKK.

Seterusnya kajian ini akan melihat kesan pelaksanaan program ini khususnya dalam bidang IT kepada JKKK dan masyarakat setempatnya.

Secara keseluruhannya skop kajian ini adalah seperti berikut :-

- a. Aspek kepimpinan dan penggunaan teknologi maklumat di peringkat bawahan.
- b. Latihan yang diperolehi oleh JKKK dan penduduk tempatan dalam ICT.
- c. Inisiatif dan sikap JKKK dalam penggunaan teknologi maklumat.
- d. Kesiediaan penduduk tempatan menggunakan teknologi maklumat.
- e. Persepsi JKKK dan penduduk tempatan terhadap penggunaan teknologi maklumat di masa hadapan.

1.4. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk melihat gambaran sebenar sejauhmanakah tahap penggunaan teknologi maklumat (IT) di kalangan masyarakat luar bandar. Pada masa ini Kerajaan Malaysia telah melaksanakan berbagai program untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan teknologi maklumat sebagai alat perhubungan yang penting dalam menjalankan aktiviti harian seperti pentadbiran kerajaan, pengurusan perniagaan dan sebagainya melalui IT. Ini bermakna dalam tempoh terdekat ini semua penduduk perlu menggunakan teknologi maklumat untuk melakukan aktiviti harian.

Persoalan yang timbul adakah masyarakat luar bandar sudah bersedia?. Kajian ini akan menjadi bukti kukuh untuk menilai tahap penggunaan teknologi maklumat di kalangan masyarakat luar bandar. Pada masa ini sudah ada golongan-golongan tertentu yang membangkitkan masalah jurang penggunaan teknologi maklumat antara masyarakat bandar dan masyarakat luar bandar. Setakat ini belum ada kajian yang dilakukan untuk membuktikan kesahihan perkara ini.

1.5. Metodologi Kajian

Menurut Wierma (dalam Ling, 2000) metodologi kajian amat penting dalam sesuatu penyelidikan kerana ia akan menjelaskan bagaimana perancangan dan kaedah yang dibuat untuk menghasilkan penyelidikan yang teratur dan sempurna. Dalam menyempurnakan laporan penyelidikan ini beberapa kaedah atau metodologi telah digunakan iaitu berasaskan kepada sumber primer, sumber sekunder, temubual dan pemerhatian.

a. Sumber Primer

Sumber primer yang digunakan ialah borang soal selidik bagi tujuan memperolehi data. Borang soal selidik digunakan adalah sesuai dengan pendapat Mohd. Majid Konting (1990) yang menyatakan bahawa soal selidik adalah lebih praktikal. Sekaran (1992) menyatakan soal selidik adalah alat yang paling berkesan dalam pengumpulan data.

Bagi tujuan kajian ini, 2 set borang soal selidik telah disediakan iaitu :-

- i. Set A - Borang soal selidik penggunaan IT dan JKKK untuk JKKK.
(Lihat **Lampiran I**)
- ii. Set B - Borang soal selidik penggunaan IT dan JKKK untuk penduduk. (Lihat **Lampiran II**)

Dalam borang soal selidik Set A terdapat 5 bahagian yang berkaitan dengan tajuk latihan iaitu bahagian pertama menyentuh tentang latar belakang responden. Bahagian kedua, tahap penggunaan komputer oleh responden. Bahagian ketiga, latihan-latihan yang berkaitan komputer oleh responden. Bahagian keempat berhubung dengan sikap responden terhadap penggunaan komputer dan yang terakhir ialah untuk melihat sejauhmana responden mempunyai inisiatif untuk memperluaskan penggunaan komputer di kalangan masyarakat setempat.

Dalam Set B terdapat 4 bahagian yang berkaitan dengan tajuk latihan ilmiah. Bahagian pertama, latar belakang responden. Bahagian kedua, tahap penggunaan komputer oleh responden. Bahagian ketiga, berhubung dengan kursus-kursus atau latihan yang pernah dihadiri oleh responden dan yang terakhir ialah melihat sikap responden terhadap penggunaan komputer.

Soalan yang dikemukakan adalah berbentuk soalan terbuka dan soalan tertutup. Soalan tertutup adalah soalan yang dikemukakan berserta dengan

cadangan-cadangan jawapan. Responden hanya memilih jawapan yang sesuai dengan responden. Soalan jenis terbuka adalah soalan yang bertanyakan pendapat responden. Mereka bebas untuk memberi jawapan dan tidak terikat dengan jawapan sepertimana soalan tertutup.

Soal selidik ini telah dikendalikan oleh pengkaji dan pembantu-pembantu melalui 2 cara iaitu borang soal selidik diisi sendiri oleh responden dan cara temubual. Cara ini digunakan berdasarkan kepada kehendak responden. Ada responden lebih senang mengisi sendiri dan ada yang memilih cara temubual.

Data-data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS). Analisis utama yang digunakan ialah analisis frekuensi. Analisis ini bertujuan melihat peratusan dan frekuensi yang diperolehi oleh sesuatu pemboleh ubah.

b. Data Sekundar

Di samping itu data sekunder juga digunakan dalam kajian ini. Data sekunder diperolehi daripada buku-buku, jurnal, laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan agensi-agensi di bawahnya serta Rancangan Malaysia Ke-7 dan Ke-8. Data-data ini diperolehi daripada perpustakaan dan pusat-pusat sumber seperti berikut :-

- i. Perpustakaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- ii. Perpustakaan Universiti Malaya
- iii. Pusat Sumber Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.

c. *Temubual*

Selain menggunakan kaedah soal selidik, pengkaji juga turut menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kajian yang akan dilaksanakan. Menurut Mohd. Majid Konting (1990), temubual adalah maklumat penyelidikan yang diperolehi secara langsung oleh penyelidik daripada responden atau subjek. Pengkaji telah menemubual 8 orang penting. Menurut Noor Sharifah Sutan (1990) temubual ke atas orang yang dianggap penting sangat berguna untuk mendapatkan maklumat yang tidak diterbitkan atau maklumat lain tentang kawasan kajian. Mereka yang telah ditemubual ialah Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pembangunan Desa, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Pegawai Unit Komputer, Bahagian Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Penolong Pegawai Daerah, Pembangunan Luar Bandar daerah Alor Gajah.

Penyelia Kanan KEMAS, Daerah Alor Gajah, Penghulu Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Melekek, Pengerusi JKKK Kg. Simpang Empat, Pengerusi JKKK Sg. Buloh dan Pengerusi JKKK Sg. Jernih. Temubual secara formal telah diadakan selama 20 hingga 30 minit berdasarkan soalan-soalan yang telah dirangka terlebih dahulu yang mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini.

Di samping itu terdapat juga temubual secara tidak formal dengan responden untuk mengetahui pandangan dan persepsi mereka terhadap subjek kajian ini.

d. *Pemerhatian*

Satu lagi kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian. Menurut Noor Sharifah Sutan (1990), pemerhatian adalah salah satu bantuk penyelidikan sosial yang diakui dan cara untuk mendapatkan maklumat. Mohd. Majid Konting (1990) menyatakan maklumat yang diperolehi melalui pemerhatian mempunyai nilai tinggi

Kaedah ini digunakan sebagai '*cross checking*' untuk mengelakkan maklumat-maklumat yang kurang tepat dan maklumat yang tidak termasuk dalam borang soal selidik.

1.6. Pemilihan Kawasan Kajian

Kawasan Dewan Undangan Negeri Melekek telah dipilih sebagai tempat kajian kerana pengkaji pernah berkhidmat di Pejabat Daerah Alor Gajah, Melaka. Ini memudahkan kajian dijalankan kerana pengkaji mempunyai pengetahuan yang baik mengenai kawasan kajian. Di samping itu pengkaji juga sudah mengenali Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di tempat kajian. Ini memudahkan untuk mendapat kerjasama mereka dan penduduk setempat. Selain daripada itu, kajian ini adalah sebagai sumbangan peribadi pengkaji kepada masyarakat setempat yang

ama ini memberi sokongan, dorongan dan kerjasama semasa berkhidmat daerah Alor Gajah.

lam kawasan Dewan Undangan Negeri Melekek terdapat 12 buah watankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Senarai JKKK n pecahan penduduk dan bilangan ketua keluarga adalah seperti dalam **dual 1.1.**

Jadual 1.1. : Senarai JKKK, bilangan Ketua Keluarga dan Pecahan Penduduk Dalam Dewan Undangan Negeri Melekek

I.	Nama JKKK	Jumlah Penduduk	Pecahan Penduduk			Bil. Ketua Keluarga
			Melayu	Cina	India	
	Kg. Cerana Putih	438	438			112
	Kg. Taboh Naning	758	758			240
	Kg. Taboh Naning Jaya	1200	-	1200	-	270
	Kg. Simpang Empat	2732	1579	665	488	688
	Kg. Melekek Luar	1223	1208	15	-	260
	Kg. Melekek Dalam	300	300	-	-	125
	Kg. Air Paabas	1062	1062	-	-	301
	Kg. Rantau Panjang	1010	789	52	169	315
	Kg. Sungai Buloh	759	759	-	-	160
0	Kg. Brisu	749	647	69	23	200
1	Kg. Sungai Siput	816	751	55	10	270
2	Kg. Sungai Jernih	545	545	-	-	147

umber : Pejabat Penghulu Kawasan Dewan Undangan Negeri Melekek, Alor Gajah, Melaka, 2001.

Daripada 12 JK KK dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri Melekek, hanya 3 JK KK yang akan dipilih menjadi sampel dalam kajian ini. Sampel akan dipilih dengan menggunakan teknik persampelan berstrata iaitu JK KK yang mewakili kampung maju, sederhana maju dan kurang maju. Kategori kampung maju, sederhana maju dan kurang maju adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1. 2 : Kategori Kampung Dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri Melekek.

Nama JK KK	Kategori
Kg. Simpang Empat Kg. Melekek Luar Kg. Air Paabas Kg. Taboh Naning	Maju
Kg. Brisu Kg. Cerana Putih Kg. Rantau Panjang Kg. Taboh Naning Jaya Kg. Sungai Buloh	Sederhana Maju
Sg. Siput Sg. Jernih Kg. Melekek Dalam	Kurang Maju

Sumber : Pejabat Penghulu Kawasan Dewan Undangan Negeri Melekek, 2001.

Kampung yang dipilih menjadi sampel dalam kajian ini ialah Kg. Simpang Empat yang mewakili kampung maju. Kg. Sungai Buloh mewakili kampung sederhana dan Kg. Sungai Jernih mewakili kampung kurang maju. Kriteria

kampung maju, sederhana maju dan kampung kurang maju seperti dalam **Jadual 1.3.**

Jadual 1.3 : Kriteria Kampung Maju, Sederhana Maju dan Kurang Maju

Jenis Kemudahan	Kampung Maju (Kg. Simpang Empat)	Kampung Sederhana Maju (Kg. Sungai Buloh)	Kampung Kurang Maju (Kg. Sungai Jernih)
a. Pendidikan	1	0	0
Sekolah Menengah	1	1	1
Sekolah Rendah	1	1	1
Sekolah Agama	1	1	1
Tabika			
b. Kemudahan Agama	1	1	1
Masjid	4	3	0
Surau			
c. Kemudahan Kesihatan	1	0	0
Pusat Kesihatan	0	1	0
Pusat Bidan			
d. Kemudahan Awam	1	0	0
Pasar Awam	15	4	3
Kedai	1	1	1
Balairaya	1	0	0
Perpustakaan	1	0	0
Pejabat Pos Mini	1	0	0
Balai Polis	28	4	0
Telefon Awam	1	1	1
Padang Permainan			
e. Pusat Pentadbiran Ahli Dewan			
Undangan Negeri	1	0	0
Kompleks Penghulu	1	0	0
Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri			
f. Kg. Desa Wawasan	Dipilih pada tahun 2000	Dipilih pada tahun 1996	Belum dipilih

Sumber : Pejabat Penghulu Kawasan Dewan Undangan Negeri Melekek, 2001

1.7. Pemilihan Responden

Seramai 195 orang telah dipilih menjadi responden dalam kajian. Terdapat 2 kategori responden iaitu :-

- a. JKKK
- b. Ketua Isi Keluarga

Pecahan responden seperti berikut :-

- a. JKKK - 45 orang
- b. Ketua Isi Keluarga - 150 orang

Pemilihan responden bagi ketua isi keluarga adalah berdasarkan 15% daripada bilangan ketua isi keluarga bagi setiap kampung yang berkenaan iaitu Kg. Simpang Empat, Kg. Sungai Buloh dan Kg. Sungai Jernih. Lihat **Jadual 1.4.**

Jadual 1.4 : Responden Mengikut Kampung

Nama Kampung / JKKK	Jumlah Ketua Isi Keluarga	15% Bilangan Ketua Isi Keluarga (Responden)
Simpang Empat	688	104
Sungai Buloh	160	24
Sungai Jernih	147	22
Jumlah	995	150

Pemilihan ketua isi keluarga sebagai responden dibuat dengan menggunakan teknik rawak mudah. Setiap ketua isi keluarga mempunyai peluang yang sama untuk dipilih tetapi hanya sekali sahaja. Bagi ahli JKKK pula setiap kampung mempunyai 15 orang ahli JKKK. Oleh itu 45 orang

ahli JKKK dipilih menjadi responden untuk ketiga-tiga yang terlibat. Pecahan responden kajian mengikut kampung adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5 : Responden Kajian

Responden	Kg. Simpang Empat	Kg. Sungai Buloh	Kg. Sungai Jernih	Jumlah
JKKK	15	15	15	45
Ketua Isi Keluarga	104	24	22	150
Jumlah	119	39	37	195

1.8. Latar Belakang Kawasan Kajian

1.8.1. Kampung Simpang Empat

Terletak dalam mukim Taboh Naning daerah Alor Gajah, Melaka. Dalam Kg. Simpang Empat terdapat kampung-kampung kecil yang dikenali sebagai Solok iaitu Solok Paya, Solok Paalam, Solok Perling, Solok Pernan dan Kg. Kemus. Keluasan keseluruhan kampung ini ialah 836 ekar dan penduduk seramai 2732 orang. Bilangan penduduk Melayu 1579 orang, Cina 665 dan India 488.

Kg. Simpang Empat terletak di pertemuan empat (4) simpang jalan utama dari Seremban ke Alor Gajah dan dari Padang Sebang ke Lubok China. Jika melalui lebuh raya Utara-Selatan, tol Simpang Empat di Melaka adalah dalam kawasan Kg. Simpang Empat. Kampung ini mudah untuk dihubungi kerana mempunyai kemudahan jalan raya yang baik iaitu jalan utama Seremban ke Alor Gajah dan jalan Padang Sebang ke Lubok China. Dari utara dan selatan tanah air boleh menggunakan lebuh raya untuk ke Kg.

Simpang Empat. Dari segi perhubungan tidak ada masalah lebih-lebih lagi kalau mempunyai kenderaan sendiri.

Di sini terdapat sebuah pekan kecil yang dikenali sebagai pekan Simpang Empat. Di sini berlakunya urusan perniagaan barang runcit, kedai makan, kedai membeli getah, pam minyak dan gerai-gerai menjual hasil kraftangan.

Dari segi kemajuan fizikal, kampung ini sudah menikmati kemudahan jalanraya yang baik, jalan-jalan kampung sudah bertar, kemudahan pendidikan yang baik seperti sekolah menengah, sekolah rendah, sekolah agama, pusat kesihatan, masjid, balairaya dan juga pusat pentadbiran Ahli Dewan Undangan Negeri Melekek dan kompleks penghulu.

Penempatan penduduk kampung ini juga boleh dikatakan teratur iaitu di sepanjang jalan utama dan jalan-jalan kampung, penduduk kampung ini sudah lama menikmati kemudahan bekalan elektrik, air dan telefon.

1.8.2. *Kampung Sungai Buloh*

Kg. Sungai Buloh terletak dalam mukim Sungai Buloh daerah Alor Gajah, Melaka. Keluasan kampung ini ialah 829 hektar dan penduduknya seramai 759 orang. Jarak antara Sungai Buloh dengan pekan Simpang Empat ialah 5 km. Kampung ini boleh dihubungi melalui jalan utama Simpang Empat ke Lubok China. Kampung ini adalah kampung Melayu tradisi dan penduduknya adalah orang Melayu.

Kampung ini boleh dihubungi melalui kenderaan awam seperti bas dan teksi. Perkhidmatan kenderaan awam tamat pada pukul 6.30 petang. Bagaimanapun bagi penduduk yang mempunyai kenderaan sendiri tidak mempunyai masalah untuk berhubung atau berulang alik.

Dari segi kemudahan fizikal, kampung ini sudah menikmati jalanraya yang baik iaitu jalan utama yang menghubungkan Simpang Empat dengan Lubok China. Jalan-jalan kampung sudah bertar. Ada kemudahan balairaya, pusat bidan, sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah agama, masjid dan surau.

Penempatan penduduk kampung ini boleh dikatakan teratur di sepanjang jalan utama Simpang Empat ke Lubok China dan sepanjang jalan-jalan kampung. Penduduk kampung ini juga sudah lama menikmati kemudahan bekalan elektrik, air dan telefon.

1.8.3. *Kampung Sungai Jernih*

Kampung ini terletak dalam mukim Sungai Siput dalam daerah Alor Gajah, Melaka. Keluasan kampung ini ialah 2½ km persegi dan penduduk seramai 545 orang. Penduduk kampung ini mengamalkan adat pepatih.

Kampung ini boleh dihubungi melalui jalanraya utama dari Simpang Empat ke Lubok China. Kampung ini juga boleh dihubungi melalui jalan Masjid Tanah ke Lubok China. Jarak anatra kampung ini dengan Lubok China ialah 2 km

dan dengan Simpang Empat ialah 30 km. Kampung ini boleh dihubungi melalui perkhidmatan kenderaan awam seperti bas dan teksi. Perkhidmatan kenderaan awam tamat lebih kurang pukul 6.30 petang. Bagi penduduk yang mempunyai kenderaan sendiri tidak menghadapi masalah untuk berhubung.

Dari segi kemudahan fizikal seperti di tempat-tempat lain dalam negeri Melaka sudah menikmati kemudahan jalanraya yang baik dan jalan kampung yang bertar. Terdapat empat (4) batang jalan kampung yang masih belum ditar.

Kampung ini adalah kampung tradisional Melayu di mana kesemua penduduknya adalah berbangsa Melayu. 80% penduduk kampung ini menjalankan aktiviti pertanian dan 20% lagi bekerja dengan kerajaan atau swasta.

Pekan kecil yang paling hampir di sini ialah pekan Lubok China. Disinilah pusat perniagaan dan perhubungan. Lubok China adalah pekan yang terletak di sempadan daerah Alor Gajah, Melaka dengan daerah Rembau, Negeri Sembilan.

1.9. Batas Kajian

- a. Salah satu batasan kajian ini ialah pengkelasan kampung maju, sederhana maju dan kurang maju. Pengkelasan ini hanya boleh diguna dalam kontek negeri Melaka sahaja. Kampung kurang maju di Melaka mungkin menjadi kampung maju di tempat lain.

- b. Faktor masa yang terhad. Masalah utama dalam menyediakan laporan penyelidikan ini ialah faktor masa. Masa yang diperuntukkan adalah kurang daripada 6 bulan. Ini menyebabkan laporan ini disediakan dalam keadaan tegesa-gesa untuk memenuhi tarikh akhir penyerahan laporan yang ditetapkan. Keadaan ini ditambah lagi apabila soal selidik hanya boleh dilakukan pada hujung minggu sahaja. Pada hari-hari lain responden bekerja dan soal selidik tidak dapat dijalankan. Ini menyebabkan soal selidik mengambil masa yang agak lama.

- c. Jarak antara tempat kajian dengan tempat tinggal pengkaji agak jauh iaitu lebih kurang 2 jam perjalanan. Ini menyebabkan pengkaji tidak dapat berulang alik setiap hari. Pengkaji menjalankan soal selidik pada hujung minggu sahaja.